

05 SEP 1996

PEMBANGUNAN PERBANDARAN AUTOMOTIF, BANDAR PROTON DI BEHRANG IKUT JADUAL

SHAH ALAM, 5 Sept (Bernama) -- Perkembangan Bandar Proton perbandaran automotif Malaysia di Behrang dekat Tanjung Malim, Perak, sama seperti "Bandar Toyota," di Jepun, adalah mengikut jadual.

Naib Pengerusi bagi strategi dan operasi Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Tengku Mahaleel Tengku Ariff berkata hari ini: "Kami kini di peringkat rekabentuk kejuruteraan."

Bercakap kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13 syarikat itu, beliau berkata kerja-kerja akan bermula apabila tender-tender ditutup dan kontraktor diberi kontrak.

Menurut Tengku Mahaleel syarikat-syarikat dari Jepun dan Eropah (firma-firma Jerman, Perancis dan Britain) serta syarikat-syarikat tempatan telah menunjukkan minat terhadap projek ini.

Katanya yang menjadi masalah dalam membina kilang kereta ialah keputusan dari segi kejuruteraan seperti berapakah mesin yang diperlukan.

Tengku Mahaleel dan pasukannya telah melawat kilang-kilang pembuatan kereta di Jepun dan Korea Selatan, dan mengkaji cara mereka bekerja. Katanya: "Kami sudah tahu tentang kerja-kerja dalam kilang di Eropah."

Pada 23 Mac lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan upacara memecah tanah bagi melancarkan pembangunan Bandar Proton ini.

Bandar Proton yang meliputi kawasan seluas 1,618 hektar apabila siap kelak, akan mempunyai pelbagai kemudahan.

Di samping sebuah kilang pengeluaran kereta, kilang-kilang sokongan vendor dan pusat penyelidikan dan pembangunan, bandar baru ini juga akan mengandungi kawasan kediaman, pusat komersil, taman rekreasi, institusi pendidikan dan hotel. -- BERNAMA

JSM KY/ma